

02/07/1997

Meningkatkan prestasi industri getah negara

Kamal Ahmad

PENGUMUMAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penggabungan tiga agensi getah sedia ada iaitu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) serta Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) menjadi Lembaga Getah Malaysia (LGM) disifatkan memberi nafas baru kepada industri getah negara.

Beliau menegaskan, sudah tiba masanya kita mencipta, mereka bentuk dan mengeluarkan barangan getah dengan jenama sendiri. Buat masa ini, kita masih banyak mengeluarkan barangan untuk dibekalkan kepada pengedar antarabangsa yang memiliki jenama asing yang terkenal. Barangan itu diterima sebagai barang buatan pengusaha asing dan biasanya keuntungan yang lebih oleh mereka. Hakikatnya, barangan itu adalah buatan Malaysia tetapi kita mendapat keuntungan yang sedikit.

"Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh memasarkan barangan dengan jenama kita jika kualitinya sama dan harganya berpatutan. Jika kita berjaya memasarkan Standard Malaysian Rubber (SMR) sebagai getah yang berkualiti, tidak ada sebab kenapa barangan getah kita yang dibuat daripada getah Malaysia yang berkualiti, tidak akan disanjung," katanya.

Sehubungan itu, LGM bertanggungjawab antara lain mempromosikan keluaran industri getah Malaysia ke pasaran dunia sekali gus mewujudkan suasana industri yang bersepadu dan penyumbang utama pembangunan ekonomi negara. Kepesatan industri getah bermakna mempertingkatkan permintaan bekalan di pasaran sekali gus harga komoditi itu akan naik. Ini akan memberi manfaat kepada 300,000 pekebun kecil yang mutu pengeluaran getah mereka banyak perlu diperbaiki.

Kemudahan dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D), Pusat Teknologi Getah, Pusat Latihan Getah serta Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa Malaysia di RRIM Sungai Buluh, Selangor, turut memberi sokongan lebih menyeluruh kepada pengilang melalui peranan masing-masing.

Kemudahan R&D disediakan memandangkan kebanyakan pengilang tidak mempunyai kemampuan untuk menyediakan kemudahan itu sendiri. Pusat Teknologi Getah pula memberi khidmat sokongan seperti penilaian, ujian berdasarkan spesifikasi tertentu dan merekabentuk. Pusat Latihan Getah pula menyediakan latihan untuk pelbagai peringkat keperluan industri manakala Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa menjadi asas rujukan dan maklumat, sumber nasihat teknikal serta menjadi saluran penting mendorong dan mempromosi industri berasaskan getah di negara ini. Pusat yang mempamer 2,200 daripada 10,000 barangan getah itu akan bekerjasama rapat dengan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak (TARRC) di Brickendenbury, England.

Ibu Pejabat LGM dan makmalnya serta ketiga-tiga pusat di RRIM itu akan menjadi sebahagian isu Rubber City yang akan dibangunkan secara penswastan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7). Ia turut mengandungi Taman Industri Getah, kawasan perumahan dan rekreasi.

Taman Industri Getah dirancang untuk menjadi pelengkap kepada kemudahan yang ada bagi menggalakkan lagi pertumbuhan industri pembuatan barangan getah manakala sebahagian kilang di taman itu berkonsepkan inkubator dan bimbingan. Ia juga memuatkan industri berteknologi tinggi, industri kecil dan sederhana serta industri sampingan berkaitan industri getah. Taman Industri itu akan disokong oleh kemudahan di Pusat Teknologi, Pusat Latihan dan Pusat Pameran.

Usaha bersepadu perlu dilakukan demi masa depan industri getah negara. Ini dapat dicapai dengan mempertingkatkan teknologi untuk memastikan pengeluaran dan keuntungan melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang khusus.

Selain itu, LGM perlu mempromosi supaya berlaku peningkatan permintaan dan penggunaan barangan buatan Malaysia di pasaran tradisi dan pasaran baru.

Lembaga itu bertanggungjawab menyebarkan keyakinan kepada pembeli di pasaran tempatan dan antarabangsa bahawa barangan Malaysia adalah berkualiti serta bersesuaian.

Presiden Pertubuhan Peladang Bersatu Malaysia (UPAM), Khoo Khee Ming, pernah menyuarakan mengenai penggabungan pelbagai badan dan persatuan berkaitan sektor peladangan termasuk getah menjadi satu badan. Ini untuk menyatukan usaha dan wawasan industri getah.

"Industri berkenaan juga perlu dilindungi daripada serangan saingan kita. Selain itu, syarikat Malaysia harus diberi kemudahan untuk melabur di luar negara," katanya.

RRIM sebagai tunggak kegiatan R&D harus menumpukan kajian bagi memperluaskan kepelbagaian penggunaan getah sebagai bahan berteknologi tinggi untuk produk dalam kejuruteraan, elektrik, elektronik, pengangkutan dan teknologi maklumat.

Institut juga harus menambah peralatan baru sebagai sokongan dalam program mencipta dan menguji produk baru.

Selain itu, RRIM perlu menyusun program latihan jangka panjang kepada pegawai dan kakitangannya untuk menguasai kemahiran dan kepakaran yang belum ada di negara ini dalam usaha mencapai matlamat mengeluarkan barangan berasaskan getah berteknologi tinggi.

Setakat ini, RRIM adalah organisasi tunggal terbesar di dunia dalam penyelidikan komoditi sejak beroperasi pada 1925.

Ia mempunyai 180 saintis dalam pelbagai bidang dan disokong dengan 1,500 kakitangan mahir dan berpengalaman dalam pelbagai prosedur makmal serta ladang. Institut itu turut mengeksport perkhidmatan perunding ke Filipina, Vietnam, Guatemala, Indonesia, India, Papua New Guinea, Ghana dan Ivory Coast.

Ia membabitkan kajian kemungkinan, pengurusan ladang, kajian kesesuaian dan pengukuran tanah, pengurusan makhluk perosak, bahan penanaman, pemrosesan lateks serta khidmat nasihat mengenai industri hiliran.

Platform Persidangan Getah Antarabangsa yang dijadualkan pada 6 hingga 9 Oktober depan dengan pembentangan 120 kertas kerja mengenai industri getah dijangka mampu mempertingkatkan iltizam semua pihak mempelbagaikan sektor dalam industri getah melalui IMP2.

Antara tahun 1986 hingga 1996, keluasan ladang getah merosot daripada 1.9 juta hektar kepada 1.72 hektar akibat daripada perubahan guna tanah kepada kegiatan ekonomi lain seperti tapak perindustrian dan perumahan.

Pengeluaran getah turut merosot daripada 1.538 juta tan kepada 1.083 juta tan manakala eksport menurun daripada 1.516 juta tan kepada 980,295 tan. Namun nilai eksport pula naik turun mengikut keadaan harga pasaran. Tahun lalu, nilai eksport berjumlah RM3.5 bilion.

Kerajaan telahpun meminda dasar supaya industri getah lebih sesuai dengan proses perindustrian negara.

Tumpuan bukan lagi kepada pengeluaran getah mentah semata-mata malah merangkumi semua sektor daripada pengeluaran getah dan kayu getah, pemrosesan dan pemasaran, pembuatan barangan berasaskan getah, memanfaatkan bahan bukan lateks, dan pembangunan estet di negara yang mempunyai tenaga buruh yang cukup.

Namun pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian (IMP 1986-1995) berjaya mendorong kepesatan pembuatan barangan berasaskan getah.

Sejak tempoh itu, penggunaan getah dalam negara meningkat daripada 71,000 tan metrik pada 1986 kepada 352,000 tan metrik pada tahun 1995 dan 390,000 tan metrik tahun lalu. Daripada jumlah itu, kira-kira 91 peratus adalah getah asli.

Kepesatan itu meletakkan negara sebagai pengguna getah asli yang kelima terbesar di dunia dan negara pengguna terbesar dalam penggunaan lateks. Setakat ini, kira-kira 70 peratus getah yang digunakan ialah lateks. Sasaran penggunaan getah di bawah IMP ialah 300,000 tan metrik pada 1995. Ini menunjukkan penggunaan getah melebihi sasaran. Namun industri getah negara tertumpu kepada subsektor berasaskan celupan lateks.

Nilai eksport barangan berasaskan getah turut meningkat daripada kira-kira RM390 juta pada 1986 kepada RM4.2 bilion tahun lalu. Ini menjadikan jumlah nilai eksport bagi industri getah sebanyak RM7.7 bilion manakala RM1.4 bilion lagi sumbangan daripada eksport perabot kayu getah.

Berdasarkan prestasi yang terus melonjak, kerajaan mengenal pasti industri getah sebagai satu kelompok yang boleh dimajukan di bawah IMP2. Ini termasuk mempelbagaikan barangan yang dikeluarkan supaya tidak tertumpu kepada subsektor celupan lateks. Malaysia setakat ini menjadi pengeluar sarung tangan, kateter (catheters) dan benang getah.

Namun sasaran IMP2 ialah mempertahankan keupayaan industri subsektor celupan lateks yang sudah mencapai tahap kematangan dan pada masa yang sama mengembangkan sektor lain seperti barangan getah am (GRG) dan barangan getah industri (IRG). Ini kerana negara masih mengimport masing-masing RM300 barangan GRG dan RM100 juta (IRG).

Selain itu, Malaysia hanya menjadi pengeluar kecil daripada 10,000 jenis barangan getah yang dihasilkan di seluruh dunia. Wajarlah kita menguasai teknologi pembuatan terkini bagi memastikan negara terus unggul dalam industri getah sebagaimana RRIM menguasai R&D dalam penghasilan klon, pengurusan ladang dan semua bidang berkaitan teknologi penanaman getah.

Isu besar yang membabitkan 300,000 pekebun kecil seperti masalah buruh, kebun terbiar dan mutu pengeluaran rendah harus ditangani terutama oleh Risda serta agensi berkaitan.

Di peringkat lebih kritikal lagi, kerajaan harus memikirkan kewajaran mempertahankan kuota keluasan tanah yang ditanam getah di negara ini. Jika pengecilan kawasan sukar dikawal, maka penggunaan klon bermutu tinggi perlu diperluaskan supaya tahap pengeluaran terus stabil. Apa yang perlu, industri getah negara dipertahan dan pertingkatkan mutunya kerana ia menjadi sebahagian nadi ekonomi negara.

(END)